

# Laksana pusingan kerja elak rasuah

**Putrajaya:** Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diarahkan untuk melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai di jawatan sensitif yang cenderung kepada isu berkaitan salah laku rasuah.

Dalam kenyataan semalam yang dikeluarkan ekoran pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan sindiket kartel tender kerajaan, Mohd Zaki menyatakan kekesalannya terdapat segerllintir penjawat awam yang membenarkan diri mereka dipergunakan oleh pihak berkepentingan untuk habuan lumayan.

“Saya memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terbabit dalam isu ini ataupun sebarang salah laku yang menjelaskan imej perkhidmatan awam sekiranya dibuktikan bersalah,” katanya.

Mohd Zuki berkata pendedahan SPrM berkenaan sindiket kartel tender kerajaan yang bernilai RM3.8

bilion membimbangkan.

Menurutnya, kes tersebut mula dikesan sejak 2014, dan hasil pemerhatian serta risikan berterusan pihak SPrM berjaya membawa kepada penahanan beberapa individu yang menjadi suspek utama siasatan.

Dilaporkan, SPrM menumpaskan sindiket kartel projek yang memonopoli 345 tender kementerian dan agensi kerajaan yang bernilai RM3.8 bilion, dengan penahanan tujuh individu termasuk ketua sindiket pada Ahad.

Ketua sindiket yang berumur 47 tahun berkenaan dikatakan mengawal lebih 150 syarikat yang berfungsi untuk memasuki tender atau sebut harga di kementerian dan agensi yang terbabit.

Menurut laporan, modus operandi kartel ialah membayar rasuah kepada ‘orang dalam’ untuk mendapat maklumat berhubung spesifikasi, harga siling, harga jabatan, jumlah penyertaan, kelayakan syarikat dan masa yang sesuai untuk menghantar borang tender dan sebut harga. - Bernama